

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 27 TAHUN 2005

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN
JURURAWAT, JURU X-RAY DAN
PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN/
PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan untuk menambah dua (2) lapisan gred kepada lapisan gred yang sedia ada bagi skim perkhidmatan bersepadu Jururawat, Juru X-Ray dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini skim perkhidmatan bersepadu Jururawat, Juru X-Ray dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2005 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9, 10 dan 11 Tahun 2005 mengandungi enam (6) lapisan gred iaitu Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48.

3. Selaras dengan kepentingan perkhidmatan perubatan dan kesihatan serta keperluannya pada masa hadapan, kerajaan bersetuju untuk menambah dua (2) lapisan gred bagi skim perkhidmatan bersepadu Jururawat, Juru X-Ray dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran yang sedia ada.

PINDAAN

4. Skim perkhidmatan bersepadu Jururawat, Juru X-Ray dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48 dipinda dengan menambah dua (2) lapisan gred iaitu **Gred U52 dan U54**. Dengan itu, ketiga-tiga skim perkhidmatan ini mempunyai Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48, U52, U54.

5. Skim perkhidmatan Jururawat, Juru X-Ray dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran yang baru adalah seperti di **Lampiran A, B dan C**. Contoh format iklan bagi urusan pengambilan adalah seperti di **Lampiran A1, B1 dan C1**. Penghuraian skop tugas bagi skim perkhidmatan bersepadu Jururawat Gred U52, U54 adalah seperti di **Lampiran A2 dan A3**; Juru X-Ray Gred U52, U54 adalah seperti di **Lampiran B2 dan B3** serta Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U52, U54 adalah seperti di **Lampiran C2 dan C3**.

6. Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2005 bagi skim perkhidmatan Jururawat, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2005 bagi skim perkhidmatan Juru X-Ray dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2005 bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran.


TARIKH KUAT KUASA

7. Tarikh kuat kuasa pindaan skim perkhidmatan bersepadu Jururawat, Juru X-Ray dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran dengan penambahan dua (2) lapisan gred iaitu Gred U52 dan U54 ialah mulai **1 Januari 2006**.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

14 Disember 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

SKIM PERKHIDMATAN
JURURAWAT

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, SOKONGAN
 (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2005

Gred	Jadual Gaji Matriks			
Gred U29	:	P1T1 RM928.55	-	P1T27 RM2445.89
		P2T1 RM985.42	-	P2T27 RM2623.76
		P3T1 RM1044.71	-	P3T27 RM2781.06
Gred U32	:	P1T1 RM1567.43	-	P1T20 RM2925.05
		P2T1 RM1683.59	-	P2T20 RM3227.55
Gred U36	:	P1T1 RM2445.89	-	P1T11 RM3617.17
		P2T1 RM2616.50	-	P2T11 RM3999.53
Gred U41	:	P1T1 RM1738.43	-	P1T24 RM4107.61
		P2T1 RM1821.92	-	P2T24 RM4367.76
		P3T1 RM1909.04	-	P3T24 RM4624.28
Gred U42	:	P1T1 RM1738.43	-	P1T24 RM4107.61
		P2T1 RM1909.04	-	P2T24 RM4624.28
Gred U44	:	P1T1 RM2633.83	-	P1T14 RM4364.13
		P2T1 RM2920.60	-	P2T14 RM4823.93
Gred U48	:	P1T1 RM3853.51	-	P1T8 RM5115.54
		P2T1 RM4235.87	-	P2T8 RM5599.54

TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2006

Gred U52	:	P1T1 RM4341.14	-	P1T8 RM5603.17
		P2T1 RM4752.54	-	P2T8 RM6116.21
Gred U54	:	P1T1 RM4572.25	-	P1T8 RM5950.44
		P2T1 RM4976.39	-	P2T8 RM6492.52

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U29

- (c) Diploma Kejururawatan daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U41

- (d) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U41: P1T1);

- dan
- (e) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jururawat dan Jururawat Masyarakat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U29 dan Gred U41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Jururawat yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Jururawat boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Jururawat dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Jururawat yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Jururawat hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U32**

10. Jururawat Gred U29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U32 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U36**

11. Jururawat Gred U32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U36 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U42**

12. (i) Jururawat Gred U29 atau U32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U42 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (d) di atas;

- (c) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (d) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (e) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

(ii) Jururawat Gred U36 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U42 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U44**

13. Jururawat Gred U41/U42 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U44 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U48**

14. Jururawat Gred U44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U48 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U52**

15. Jururawat Gred U48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U52 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U54**

16. Jururawat Gred U52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U54 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN
PENGAJAR**

17. Jururawat yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengajar Gred U41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Pada 1 Januari 2006, skim perkhidmatan bersepadu Jururawat yang berkuat kuasa adalah terdiri daripada Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48, U52, U54.

LAMPIRAN A1

FORMAT IKLAN

1. (a) Jawatan : Jururawat
- (b) Kementerian/ Jabatan :
- (c) Kumpulan : Pengurusan dan Profesional, Sokongan
Perkhidmatan (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
- (d) Klasifikasi : Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan
Perkhidmatan

2. Jadual Gaji : Jadual Gaji Matriks

Gred U29	:	P1T1 RM928.55	-	P1T27 RM2445.89
		P2T1 RM985.42	-	P2T27 RM2623.76
		P3T1 RM1044.71	-	P3T27 RM2781.06
Gred U32	:	P1T1 RM1567.43	-	P1T20 RM2925.05
		P2T1 RM1683.59	-	P2T20 RM3227.55
Gred U36	:	P1T1 RM2445.89	-	P1T11 RM3617.17
		P2T1 RM2616.50	-	P2T11 RM3999.53
Gred U41	:	P1T1 RM1738.43	-	P1T24 RM4107.61
		P2T1 RM1821.92	-	P2T24 RM4367.76
		P3T1 RM1909.04	-	P3T24 RM4624.28
Gred U42	:	P1T1 RM1738.43	-	P1T24 RM4107.61
		P2T1 RM1909.04	-	P2T24 RM4624.28
Gred U44	:	P1T1 RM2633.83	-	P1T14 RM4364.13
		P2T1 RM2920.60	-	P2T14 RM4823.93
Gred U48	:	P1T1 RM3853.51	-	P1T8 RM5115.54
		P2T1 RM4235.87	-	P2T8 RM5599.54
Gred U52	:	P1T1 RM4341.14	-	P1T8 RM5603.17
		P2T1 RM4752.54	-	P2T8 RM6116.21
Gred U54	:	P1T1 RM4572.25	-	P1T8 RM5950.44
		P2T1 RM4976.39	-	P2T8 RM6492.52

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U29

(c) Diploma Kejururawatan daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U41

(d) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U41: P1T1);

dan (e) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap.

5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Jururawat adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

6. Fungsi dan Bidang Tugas : Untuk diisi oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.

**PENGHURAIAN SKOP TUGAS
JURURAWAT GRED U52**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

2. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

- 2.1 Merangka, menyelaras dan menentukan agenda penyelidikan bidang kejururawatan, mempelopori penyelidikan dan analisis kajian secara mendalam di peringkat tempatan, kebangsaan dan antarabangsa serta menyebarkan hasil kajian.
- 2.2 Bertanggungjawab terhadap pengurusan strategi institusi/ jabatan yang diterajui.
- 2.3 Menentukan pengagihan peruntukan kewangan bagi menyokong agenda penyelidikan bidang kejururawatan.
- 2.4 Memberi khidmat perundingan secara teknikal di peringkat kebangsaan dalam bidang pengkhususan masing-masing.
- 2.5 Menggunakan data dan maklumat berdasarkan bukti berkaitan keselamatan, keberkesanan dan kos efektif untuk menilai penggunaan teknologi perubatan dan intervensi kejururawatan.
- 2.6 Menjalinkan hubungan dengan pelbagai agensi (awam, swasta, komuniti) di peringkat tempatan dan kebangsaan.
- 2.7 Memastikan sistem kualiti dan perkhidmatan perawatan kejururawatan sentiasa terjamin.
- 2.8 Menentukan dasar dan halatuju institusi/ jabatan yang diterajui melalui:
 - a. mengenalpasti ancaman semasa dan akan datang terhadap kesihatan;
 - b. membangunkan polisi dan perundangan bagi menentukan keberkesanan amalan kejururawatan; dan

- c. membentuk dan menilai perancangan untuk melindungi amalan kejururawatan.
- 2.9 Mengendalikan aduan dan menyediakan laporan untuk dikemukakan kepada Jururawat Gred U54 dan pegawai atasan yang berkaitan.
- 2.10 Bertanggungjawab dalam pengawasan amalan kejururawatan seperti berikut:
- a. pendaftaran – Jururawat Tempatan dan Jururawat Asing;
 - b. peperiksaan untuk berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia; dan
 - c. terlibat dalam Jawatankuasa Pendidikan dan Pelajaran.
- 2.11 Lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

3. HUBUNGAN KERJA

3.1 Dalaman

- a. pihak pengurusan atasan kementerian.
- b. Pengarah Amalan Perubatan.
- c. Majlis Perubatan Malaysia.
- d. Lembaga Pembantu Perubatan.
- e. Lembaga Optik.

3.2 Luaran

- a. Jabatan kerajaan/ agensi-agensi lain yang berkaitan.
- b. *International Congress of Nurse (ICN).*
- c. *International Congress of Midwives (ICM).*
- d. Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).
- e. Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).
- f. Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

- g. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- h. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

4. **PERSEKITARAN KERJA**

- 4.1 Peringkat ibu pejabat.
- 4.2 Peringkat negeri/ hospital besar.

**PENGHURAIAN SKOP TUGAS
JURURAWAT GRED U54**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

2. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

2.1 Menggubal Polisi dan Program Kejururawatan.

- a. merancang, menggubal dan mengkaji polisi perkembangan perkhidmatan kejururawatan serta pembangunan perkhidmatan kepakaran;
- b. menilai dan menggubal polisi berkaitan penyelidikan teknologi baru dalam perkhidmatan perawatan kejururawatan;
- c. menetapkan piawaian dan norma bagi menjamin kualiti program kejururawatan;
- d. merancang, menggubal, menetapkan polisi dan menentukan tahap kepentingan berkaitan dengan pelaksanaan *Quality Assurance* dan *Total Quality Management* di bawah program kejururawatan;
- e. merancang dan menyelaras aktiviti pendidikan kejururawatan berterusan serta merancang pembangunan kerjaya bagi jururawat yang bertugas dalam bidang klinikal;
- f. membangunkan sistem akreditasi bagi menjamin kualiti perkhidmatan kejururawatan di hospital dan klinik. Bertanggungjawab dalam menentukan piawaian yang setaraf dikekalkan di semua peringkat perkhidmatan kejururawatan; dan
- g. merancang, melaksana dan menilai aktiviti penguatkuasaan undang-undang seperti yang diperuntuk dalam Akta Jururawat dan Akta Bidan serta peraturan-peraturan lain yang berkaitan.

2.2 Pengawalan dan Penyelarasan

- a. menyelaras perkhidmatan jururawat klinikal dan bukan klinikal;
- b. mengumpul data yang berkenaan berhubung kajian perkhidmatan kejururawatan di hospital dan klinik;
- c. membantu dalam penyediaan anggaran dasar baru serta belanjawan bagi program kejururawatan;
- d. mentadbir Bahagian Perkembangan Kejururawatan berkaitan belanjawan dan pengurusan; dan
- e. memberi bimbingan, panduan dan membaiki prestasi pegawai yang bertugas dalam bidang kejururawatan.

2.3 Pengurusan

- a. menilai dan membuat keputusan dasar berkaitan keperluan tenaga manusia, aktiviti perawatan program kejururawatan;
- b. merancang penempatan tenaga manusia dalam Bahagian Perkembangan Kejururawatan di hospital dan klinik;
- c. menetapkan program aktiviti pendidikan serta jadual kursus dalam dan luar negeri untuk jururawat;
- d. merancang anggaran belanjawan untuk modus operasi serta dasar baru dan mengawal perbelanjaan mengikut peruntukan yang ditetapkan; dan
- e. mengkaji pencapaian, sasaran aktiviti dan kajian pengeluaran serta spesifikasi *output*.

2.4 Fungsi Teknikal dan Profesional

- a. mewakili Ketua Pengarah Kesihatan sebagai pengerusi dalam mesyuarat Lembaga Jururawat dan Lembaga Bidan semasa ketiadaan beliau;
- b. menghadiri mesyuarat dalaman kementerian sebagai ahli tetap:
 - i. Mesyuarat Pos Kabinet.
 - ii. Mesyuarat Ketua Setiausaha KKM.

- iii. Mesyuarat Ketua Pengarah Kesihatan, Pengarah Program dan Pengarah Negeri.
 - iv. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pendidikan.
 - v. Persidangan Anggaran Belanjawan.
- c. menguruskan mesyuarat:
- i. Jawatankuasa Persediaan Norma Perjawatan Kejururawatan.
 - ii. Jawatankuasa Kurikulum Kejururawatan.
 - iii. Jawatankuasa Pendidikan dan Pelajaran.
- d. penyediaan kertas kerja
- i. merangka dan menyelia draf ucapan dan bahan-bahan lain untuk Ketua Pengarah Kesihatan;
 - ii. merangka dan menyelia laporan atau maklum balas kepada kabinet dan/ atau parlimen; dan
 - iii. menyelaras aliran keluar maklumat sebagai jawapan kepada media massa berkaitan bidang kejururawatan.
- e. memberi khidmat rundingan kepada agensi/ jabatan kerajaan dari dalam dan luar negara serta sektor swasta.
- f. bertindak sebagai urusetia dalam beberapa jawatankuasa:
- i. Persidangan Klinikal.
 - ii. Penubuhan Kolej Swasta/ Kegunaan.
 - iii. Hospital-hospital kerajaan.
 - iv. *Medical Concensus*.
 - v. Menyelaras program *Quality Assurance*.
- g. memberi input tentang amalan kejururawatan baik, etika, standard dan kriteria profesyen, *medico-legal* berhubung latihan dan perkhidmatan pengamal-pengamal perubatan bagi tujuan penambahbaikan kualiti perkhidmatan yang berterusan seperti

pendidikan kejururawatan berterusan dan *Standard Opening Procedures*.

- h. mengurus dan mentadbir perkhidmatan sekretariat kepada badan-badan berstatut di bawah Bahagian Kejururawatan.

2.5 Lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

3. HUBUNGAN KERJA

3.1 Dalaman

- a. pihak pengurusan atasan kementerian.
- b. Pengarah Amalan Perubatan.
- c. Majlis Perubatan Malaysia.
- d. Lembaga Pembantu Perubatan.
- e. Lembaga Optik.

3.2 Luaran

- a. Jabatan kerajaan/agensi-agensi lain yang berkaitan.
- b. *International Congress of Nurse (ICN)*.
- c. *International Congress of Midwives (ICM)*.
- d. Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).
- e. Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).
- f. Lembaga Akreditasi Negara (LAN).
- g. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- h. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

4. **PERSEKITARAN KERJA**

4.1 Peringkat ibu pejabat.

4.2 Peringkat negeri/ hospital besar.

LAMPIRAN B

SKIM PERKHIDMATAN JURU X-RAY

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, SOKONGAN
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2005

Gred	Jadual Gaji Matriks			
Gred U29	: P1T1 RM928.55	- P1T27 RM2445.89		
	P2T1 RM985.42	- P2T27 RM2623.76		
	P3T1 RM1044.71	- P3T27 RM2781.06		
Gred U32	: P1T1 RM1567.43	- P1T20 RM2925.05		
	P2T1 RM1683.59	- P2T20 RM3227.55		
Gred U36	: P1T1 RM2445.89	- P1T11 RM3617.17		
	P2T1 RM2616.50	- P2T11 RM3999.53		
Gred U41	: P1T1 RM1738.43	- P1T24 RM4107.61		
	P2T1 RM1821.92	- P2T24 RM4367.76		
	P3T1 RM1909.04	- P3T24 RM4624.28		
Gred U42	: P1T1 RM1738.43	- P1T24 RM4107.61		
	P2T1 RM1909.04	- P2T24 RM4624.28		
Gred U44	: P1T1 RM2633.83	- P1T14 RM4364.13		
	P2T1 RM2920.60	- P2T14 RM4823.93		
Gred U48	: P1T1 RM3853.51	- P1T8 RM5115.54		
	P2T1 RM4235.87	- P2T8 RM5599.54		

TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2006

Gred U52	: P1T1 RM4341.14	- P1T8 RM5603.17		
	P2T1 RM4752.54	- P2T8 RM6116.21		
Gred U54	: P1T1 RM4572.25	- P1T8 RM5950.44		
	P2T1 RM4976.39	- P2T8 RM6492.52		

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U29

- (c) (i) Diploma Radiografi atau Radioterapi daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6); atau

- (ii) Diploma daripada *Society of Radiographer United Kingdom* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U41

- (d) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U41: P1T1);

- dan
- (e) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U29 dan Gred U41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Juru X-Ray yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Juru X-Ray boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

5. Juru X-Ray dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

6. Juru X-Ray yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;

- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**
8. Juru X-Ray hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U32**
9. Juru X-Ray Gred U29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U32 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U36**
10. Juru X-Ray Gred U32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U36 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U42**
11. (i) Juru X-Ray Gred U29 atau Gred U32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U42 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (d) di atas;
- (c) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (d) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (e) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- (ii) Juru X-Ray Gred U36 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U42 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U44**

12. Juru X-Ray Gred U41/U42 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U44 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U48**

13. Juru X-Ray Gred U44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U48 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U52**

14. Juru X-Ray Gred U48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U52 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U54**

15. Juru X-Ray Gred U52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U54 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN
PENGAJAR**

16. Juru X-Ray yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengajar Gred U41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Pada 1 Januari 2006, skim perkhidmatan bersepadu Juru X-Ray yang berkuat kuasa adalah terdiri daripada Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48, U52, U54.

FORMAT IKLAN

1. (a) Jawatan : Juru X-Ray
- (b) Kementerian/Jabatan :
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional, Sokongan (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan

2. Jadual Gaji : **Jadual Gaji Matriks**

Gred U29	:	P1T1 RM928.55	-	P1T27 RM2445.89
		P2T1 RM985.42		P2T27 RM2623.76
		P3T1 RM1044.71		P3T27 RM2781.06
 Gred U32	 :	 P1T1 RM1567.43	 -	 P1T20 RM2925.05
		P2T1 RM1683.59		P2T20 RM3227.55
 Gred U36	 :	 P1T1 RM2445.89	 -	 P1T11 RM3617.17
		P2T1 RM2616.50		P2T11 RM3999.53
 Gred U41	 :	 P1T1 RM1738.43	 -	 P1T24 RM4107.61
		P2T1 RM1821.92		P2T24 RM4367.76
		P3T1 RM1909.04		P3T24 RM4624.28
 Gred U42	 :	 P1T1 RM1738.43	 -	 P1T24 RM4107.61
		P2T1 RM1909.04		P2T24 RM4624.28
 Gred U44	 :	 P1T1 RM2633.83	 -	 P1T14 RM4364.13
		P2T1 RM2920.60		P2T14 RM4823.93
 Gred U48	 :	 P1T1 RM3853.51	 -	 P1T8 RM5115.54
		P2T1 RM4235.87		P2T8 RM5599.54
 Gred U52	 :	 P1T1 RM4341.14	 -	 P1T8 RM5603.17
		P2T1 RM4752.54		P2T8 RM6116.21
 Gred U54	 :	 P1T1 RM4572.25	 -	 P1T8 RM5950.44
		P2T1 RM4976.39		P2T8 RM6492.52

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U29

- (c) (i) Diploma Radiografi atau Radioterapi daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

atau

- (ii) Diploma daripada *Society of Radiographer United Kingdom* yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U41

- (d) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U41: P1T1);

- dan (e) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Juru X-Ray adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi dan Bidang Tugas : Untuk diisi oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.

**PENGHURAIAN SKOP TUGAS
JURU X-RAY GRED U52**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan / agensi kerajaan.

2. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

2.1 Fungsi Klinikal

- a. merancang pemeriksaan seperti yang dicadangkan oleh Pakar X-Ray;
- b. bersama-sama dengan Pakar X-Ray menilai keabnormalan anatomi dan struktur dalam imej dan radiograf serta mencadangkan pemeriksaan lanjutan;
- c. mendokumentasikan segala maklumat mengenai pemeriksaan;
- d. memberi khidmat nasihat dan *supportive counselling* kepada pesakit dan keluarganya;
- e. selaku penasihat dalam menjalankan tugas rawatan radiasi pengkhususan; dan
- f. bertindak sebagai pegawai rujuk serta memberi saranan dalam aktiviti perancangan dan perawatan.

2.2 Fungsi Pengurusan

- a. menjalankan tugas dan tanggungjawab selaku Ketua Juru X-Ray peringkat nasional dan bekerja ke arah mencapai misi, visi dan objektif jabatan, hospital dan kerajaan;
- b. menggubal dasar dan polisi perkhidmatan rawatan radiasi serta aspek-aspek keselamatan radiasi peringkat hospital;
- c. merangka dan menentukan dasar-dasar bagi program penjaminan mutu bagi peralatan dan prosedur kerja untuk meningkatkan tahap

mutu perkhidmatan. Mengamalkan teknik-teknik yang optima dan terkini demi kepentingan pesakit kanser;

- d. mewakili Juru X-Ray dalam mesyuarat/ aktiviti peringkat jabatan, hospital dan kementerian;
- e. melibatkan diri dalam perancangan, pembangunan dan perolehan sumber;
- f. menyediakan anggaran belanjawan unit;
- g. memberi bimbingan dan dorongan kepada pegawai yang berada di bawah jagaan. Menyelia pegawai dalam aktiviti perancangan dan rawatan serta mengawasi disiplin;
- h. meluluskan jadual tugas dan perancangan cuti pegawai;
- i. menerima dan menganalisa laporan tahunan;
- j. memberi maklumat kepada Bahagian Perkembangan Perubatan dan Perkhidmatan Pengimejan seluruh negara mengenai keperluan tenaga manusia;
- k. bertanggungjawab kepada pembangunan dan kemajuan perkhidmatan/ profesion Juru X-Ray;
- l. menjadi teras dalam pengendalian kursus orientasi kenaikan pangkat Juru X-Ray; dan
- m. menyediakan dan mengemukakan anggaran perbelanjaan bagi segala keperluan teknikal dan pengurusan pada peringkat yang dipertanggungjawabkan.

2.3 Fungsi Penguatkuasaan dan Kawalan Mutu

- a. menyelaraskan garis panduan dan *radiological protocols and procedures* yang perlu dipatuhi oleh semua pegawai;
- b. sebagai penyelaras dalam pelaksanaan *National Indicator Approach* (NIA) dan *Hospital Specific Indicator Programme* (HSIP);
- c. memastikan pelaksanaan aktiviti *Quality Assurance* di peringkat yang dipertanggungjawabkan;
- d. penguatkuasaan kod etika dan disiplin Juru X-Ray; dan

- e. menjalankan penyiasatan dan penguatkuasaan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).

2.4 Fungsi Latihan dan Penyelidikan

- a. mengenalpasti keperluan dan merangka program-program latihan/kursus bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai;
- b. memastikan pelatih-pelatih Juru X-Ray dan juga pelatih dari disiplin lain yang ditempatkan di jabatan untuk latihan klinikal menerima pendedahan dan latihan yang komprehensif dan efektif;
- c. melibatkan diri bersama-sama pegawai dalam aktiviti kualiti/penyelidikan berkaitan perkhidmatan radiasi;
- d. melaksana dan menyelaraskan program latihan dan pendidikan lanjutan/ ijazah;
- e. membantu dalam menilai kurikulum dan program latihan bagi institusi yang menjalankan kursus untuk Juru X-Ray;
- f. mengendali dan menyelaraskan kursus dalam perkhidmatan; dan
- g. memastikan program penyelidikan dilaksanakan oleh semua jabatan yang berkenaan.

2.5 Tugas-tugas Sokongan

- a. menjalinkan hubungan dan bekerjasama dengan pegawai daripada disiplin lain yang diperlukan dalam pengurusan pesakit kanser secara *holistic*;
- b. menjalankan tugas/ aktiviti di bawah jawatankuasa peringkat jabatan, hospital dan kementerian; dan
- c. melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh ketua jabatan dan pegawai atasan.

2.6 Lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

3. HUBUNGAN KERJA

3.1 Dalam

- a. pegawai di bahagian/ unit yang sama.
- b. pegawai di bahagian lain di dalam organisasi yang sama.
- c. pelatih

3.2 Luaran

- a. jabatan/ agensi kerajaan.
- b. berurusan dengan organisasi/ agensi/ NGO's berkenaan khidmat nasihat dan kepakaran.

**PENGHURAIAN SKOP TUGAS
JURU X-RAY GRED U54**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

2. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

2.1 Fungsi Klinikal

- a. menetapkan tahap mutu perkhidmatan rawatan radiasi sejajar dengan negara-negara maju demi kepentingan pesakit-pesakit kanser; dan
- b. bertindak sebagai penasihat dan pegawai rujuk dalam semua aktiviti perancangan dan *modality* rawatan radiasi termasuk rawatan pengkhususan. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dengan teknik-teknik terkini dan mengembangkan pengetahuan ke semua peringkat.

2.2 Fungsi Pengurusan

- a. menjalankan tugas dan tanggungjawab selaku Ketua Perkhidmatan Juru X-Ray dan bekerja ke arah mencapai misi dan visi Juru X-Ray dan kementerian;
- b. menggubal dasar, polisi dan halatuju berhubung dengan perkhidmatan Juru X-Ray di peringkat kebangsaan;
- c. mengetuai Lembaga Juru X-Ray (apabila ditubuhkan kelak) dan bertanggungjawab ke atas tugas dan isu-isu pendaftaran, pengambilan dan penempatan, program-program latihan dan kompetensi serta amalan mengikut kod etika profesyen Juru X-Ray;
- d. mengadakan pangkalan data meliputi sumber manusia dan sumber peralatan yang berkaitan dengan perkhidmatan rawatan radiasi;
- e. memberi laporan kepada pihak-pihak yang berkenaan berkaitan perkhidmatan Juru X-Ray dan rawatan radiasi;

- f. selaku penasihat kepada Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan dan Perolehan Sumber serta Keselamatan Sinaran Mengion;
- g. mewakili Juru X-Ray di peringkat kementerian, nasional dan antarabangsa dalam mesyuarat/ aktiviti anjuran badan-badan yang mempunyai hubung kait dengan perkhidmatan rawatan radiasi seperti MAKNA, MINT dan IAEA;
- h. sebagai Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Profesion Juru X-Ray dalam merancang, melaksana dan menyelaras pembangunan jabatan-jabatan pengimejan baru dan pembelian peralatan radiologi;
- i. menyedia dan mengemukakan anggaran perbelanjaan bagi segala keperluan teknikal dan pengurusan;
- j. perancangan dan kajian semula perkhidmatan dalam konteks penambahbaikan aktiviti radiologi dan unjuran pertumbuhan untuk sumber manusia; dan
- k. bertindak sebagai *resource person* kepada Bahagian Perancangan dan Pembangunan dalam merancang infrastruktur jabatan dari segi spesifikasi dan kelengkapan peralatan.

2.3 Fungsi Penguatkuasaan dan Kawalan Mutu

- a. bertanggungjawab dalam pembentukan *National Indicator Approach* (NIA) dan *Hospital Specific Indicator Programme* (HSIP);
- b. memastikan pelaksanaan program *Quality Assurance* di peringkat kebangsaan; dan
- c. merancang penguatkuasaan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).

2.4 Fungsi Latihan dan Penyelidikan

- a. mengenalpasti dan merancang serta melibatkan diri dalam aktiviti kualiti dalam penyelidikan yang mempunyai hubungkait dengan perkhidmatan rawatan radiasi ke arah amalan *clinical based*;
- b. mengenalpasti dan merancang program-program latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Juru X-Ray dengan amalan rawatan radiasi yang terkini supaya sentiasa kompeten dan berprestasi tinggi;

- c. menjadi pensyarah jemputan untuk program latihan Juru X-Ray di kementerian atau institusi pengajian tinggi;
- d. melakukan penilaian keberkesanan perkhidmatan rawatan radioterapi dan kompetensi pegawai yang melaksanakan tanggungjawab tersebut;
- e. mengenalpasti institusi yang bersesuaian untuk Juru X-Ray menjalani kursus dalam dan luar negara;
- f. menilai kurikulum dan program latihan bagi institusi yang menjalankan kursus untuk Juru X-Ray;
- g. merancang penyelidikan untuk dilaksanakan di semua jabatan yang berkenaan; dan
- h. merancang dan menyelaras program latihan untuk pelajar-pelajar asing yang menjalani penempatan latihan industri/ klinikal.

2.5 Tugas-tugas Sokongan

- a. menjalin kerjasama dengan para pegawai daripada pelbagai disiplin untuk memberi rawatan *holistic* kepada pesakit kanser;
- b. melibatkan diri dengan usaha-usaha *Registri Cancer National* untuk mengumpul dan mengklasifikasikan data pesakit kanser dalam negara ini; dan
- c. melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh ketua jabatan dan pegawai atasan.

2.6 Lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

3. HUBUNGAN KERJA

3.1 Dalaman

- a. pegawai di bahagian/ unit yang sama.
- b. pegawai di bahagian lain di dalam organisasi yang sama.
- c. pelatih

3.2 Luaran

- a. jabatan/ agensi kerajaan.
- b. berurusan dengan organisasi/ agensi/ NGO's berkenaan khidmat nasihat dan kepakaran.

LAMPIRAN C

SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN/ PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, SOKONGAN
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2005

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred U29	: P1T1	RM928.55	-	P1T27	RM2445.89
	P2T1	RM985.42	-	P2T27	RM2623.76
	P3T1	RM1044.71	-	P3T27	RM2781.06
Gred U32	: P1T1	RM1567.43	-	P1T20	RM2925.05
	P2T1	RM1683.59	-	P2T20	RM3227.55
Gred U36	: P1T1	RM2445.89	-	P1T11	RM3617.17
	P2T1	RM2616.50	-	P2T11	RM3999.53
Gred U41	: P1T1	RM1738.43	-	P1T24	RM4107.61
	P2T1	RM1821.92	-	P2T24	RM4367.76
	P3T1	RM1909.04	-	P3T24	RM4624.28
Gred U42	: P1T1	RM1738.43	-	P1T24	RM4107.61
	P2T1	RM1909.04	-	P2T24	RM4624.28
Gred U44	: P1T1	RM2633.83	-	P1T14	RM4364.13
	P2T1	RM2920.60	-	P2T14	RM4823.93
Gred U48	: P1T1	RM3853.51	-	P1T8	RM5115.54
	P2T1	RM4235.87	-	P2T8	RM5599.54

TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2006

Gred U52	: P1T1	RM4341.14	-	P1T8	RM5603.17
	P2T1	RM4752.54	-	P2T8	RM6116.21
Gred U54	: P1T1	RM4572.25	-	P1T8	RM5950.44
	P2T1	RM4976.39	-	P2T8	RM6492.52

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U29

- (c) Diploma Kesihatan Persekitaran daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U41

- (d) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U41: P1T1);

dan

- (e) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U29 dan Gred U41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

- LATIHAN**
5. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
6. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U32**
10. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U32 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U36**
11. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U36 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U42**

12. (i) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 atau Gred U32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U42 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (d) di atas;
 - (c) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (d) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (e) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- (ii) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U36 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U42 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U44**

13. Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U41/U42 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U44 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U48**

14. Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U48 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U52**

15. Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U52 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U54**

16. Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U54 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN
PENGAJAR**

17. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengajar Gred U41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Pada 1 Januari 2006, skim perkhidmatan bersepadu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran yang berkuat kuasa adalah terdiri daripada Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48, U52, U54.

LAMPIRAN C1

FORMAT IKLAN

1. (a) Jawatan : Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/
Pegawai Kesihatan Persekitaran
 - (b) Kementerian/Jabatan :
 - (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional, Sokongan
(Skim Perkhidmatan Bersepadu)
 - (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan
-
2. Jadual Gaji :

		Jadual Gaji Matriks	
Gred U29	:	P1T1 RM928.55	- P1T27 RM2445.89
		P2T1 RM985.42	- P2T27 RM2623.76
		P3T1 RM1044.71	- P3T27 RM2781.06
Gred U32	:	P1T1 RM1567.43	- P1T20 RM2925.05
		P2T1 RM1683.59	- P2T20 RM3227.55
Gred U36	:	P1T1 RM2445.89	- P1T11 RM3617.17
		P2T1 RM2616.50	- P2T11 RM3999.53
Gred U41	:	P1T1 RM1738.43	- P1T24 RM4107.61
		P2T1 RM1821.92	- P2T24 RM4367.76
		P3T1 RM1909.04	- P3T24 RM4624.28
Gred U42	:	P1T1 RM1738.43	- P1T24 RM4107.61
		P2T1 RM1909.04	- P2T24 RM4624.28
Gred U44	:	P1T1 RM2633.83	- P1T14 RM4364.13
		P2T1 RM2920.60	- P2T14 RM4823.93
Gred U48	:	P1T1 RM3853.51	- P1T8 RM5115.54
		P2T1 RM4235.87	- P2T8 RM5599.54
Gred U52	:	P1T1 RM4341.14	- P1T8 RM5603.17
		P2T1 RM4752.54	- P2T8 RM6116.21
Gred U54	:	P1T1 RM4572.25	- P1T8 RM5950.44
		P2T1 RM4976.39	- P2T8 RM6492.52

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED U29

- (c) Diploma Kesihatan Persekitaran daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U41

- (d) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U41: P1T1);

dan (e) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap.

5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

6. Fungsi dan Bidang Tugas : Untuk diisi oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.

**PENGHURAIAN SKOP TUGAS
PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U52**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

2. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

Bertanggungjawab dalam merancang, mengurus, memantau, menetapkan strategi dan memastikan pelaksanaan aktiviti kesihatan awam dan kesihatan persekitaran seperti berikut:

2.1 Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit, Penyakit Tidak Berjangkit dan Penyakit Bawaan Vektor).

- a. penyelarasan aktiviti wabak dan bencana alam;
- b. penilaian dan analisis risiko kesihatan;
- c. menilai aktiviti;
- d. kesihatan persekitaran dan pekerjaan; dan
- e. penguatkuasaan dan perundangan.

2.2 Keselamatan dan Kualiti Makanan.

- a. aktiviti keselamatan dan kebersihan makanan;
- b. penilaian risiko makanan;
- c. mengkaji program;
- d. pengurusan maklumat; dan
- e. penguatkuasaan perundangan.

- 2.3 Kawalan Mutu Air Minuman (KMAM).
 - a. program KMAM; dan
 - b. pengurusan risiko kesihatan ke atas sistem bekalan air.
- 2.4 Perundangan dan Penguatkuasaan.
 - a. menganalisis kes-kes pendakwaan;
 - b. khidmat runding cara berkenaan hal-hal perundangan dan penguatkuasaan;
 - c. membuat semakan undang-undang; dan
 - d. mematuhi prosedur pengurusan perundangan.
- 2.5 Pengurusan dan analisis data.
- 2.6 Audit teknikal.
- 2.7 Merancang keperluan sumber manusia, kewangan dan logistik.
- 2.8 Penyelidikan dan pembangunan program modal insan termasuk program perkembangan profesional berterusan.
- 2.9 Lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

3. HUBUNGAN KERJA

- 3.1 Dalaman
 - a. pegawai di bahagian lain di dalam organisasi yang sama.
 - b. pegawai di bahagian/unit yang sama.
- 3.2 Luaran
 - a. komuniti.
 - b. jabatan kerajaan dan agensi-agensi lain.
 - c. badan profesional tempatan dan peringkat antarabangsa.
 - d. institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara.
 - e. pekerja.

**PENGHURAIAN SKOP TUGAS
PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U54**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

2. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

Bertanggungjawab dalam menggubal, merancang, memantau polisi, menetapkan strategi serta menilai pelaksanaan dan pencapaian aktiviti kesihatan awam dan kesihatan persekitaran seperti berikut:

2.1 Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit, Penyakit Tidak Berjangkit dan Penyakit Bawaan Vektor).

- a. penyelarasan aktiviti wabak dan bencana alam;
- b. penilaian dan analisis risiko kesihatan;
- c. menilai aktiviti-aktiviti pencegahan baru;
- d. kesihatan persekitaran dan pekerjaan;
- e. penguatkuasaan dan perundangan; dan
- f. memantau penyakit-penyakit baru muncul (*new emerging and re-emerging diseases*).

2.2 Keselamatan dan Kualiti Makanan.

- a. program keselamatan dan kebersihan makanan (domestik, pengimportan makanan, premis makanan);
- b. penilaian risiko makanan;
- c. mengkaji program;
- d. pengurusan maklumat; dan
- e. penguatkuasaan perundangan.

- 2.3 Kawalan Mutu Air Minuman (KMAM).
 - a. program KMAM; dan
 - b. pengurusan risiko kesihatan ke atas sistem bekalan air.
- 2.4 Perundangan dan Penguatkuasaan.
 - a. menganalisis kes-kes pendakwaan;
 - b. khidmat runding cara berkenaan hal-hal perundangan dan penguatkuasaan;
 - c. membuat semakan dan kajian semula undang-undang kesihatan awam;
 - d. cadangan penggubalan dan pindaan undang-undang kesihatan awam; dan
 - e. mematuhi prosedur pengurusan perundangan.
- 2.5 Pengurusan dan Analisis Data.
- 2.6 Audit teknikal.
- 2.7 Merancang keperluan sumber manusia, kewangan dan logistik.
- 2.8 Penyelidikan dan pembangunan program modal insan termasuk program perkembangan profesional berterusan.
- 2.9 Pengurusan pengetahuan.
- 2.10 Lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

3. HUBUNGAN KERJA

- 3.1 Dalam
 - a. pegawai di bahagian lain di dalam organisasi yang sama.
 - b. pegawai di bahagian/unit yang sama.
- 3.2 Luaran
 - a. komuniti.
 - b. jabatan kerajaan dan agensi-agensi lain.
 - c. badan profesional tempatan dan peringkat antarabangsa.
 - d. institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara.
 - e. pekerja.